

# Pementasan Shakespeare meriah

## Majlis Makan Malam bertemakan batik

BANDAR SERI BEGAWAN, 24 April - Sempena memperingati penubuhannya yang ke-7, Pasukan Kadet Tentera Universiti Islam Sultan Sharif Ali (PKT UNISSA) telah mengadakan Majlis Makan Malam yang berlangsung di Mangrove Paradise Resort, semalam. Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Timbalan Rektor UNISSA, Dr. Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad. Turut hadir ialah pegawai-pegawai utama UNISSA, pemangku pegawai memerintah, pegawai kanan Askar Simpanan Melayu Diraja Brunei (ASMDB) dan guru pengawas pasukan kadet tentera serta ahli-ahli PKT UNISSA.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diikuti dengan tayangan video, persembahan dakwah dan penyampaian Anugerah Pakaian Terbaik.

Majlis merupakan salah satu acara tahunan anjuran PKT UNISSA yang bertujuan untuk melahirkan semangat kekeluargaan dan memupuk paduan sesama ahli kadet, para alumni PKT UNISSA, guru pengawas serta para jurulatih untuk memperingati penubuhan PKT UNISSA ke-7.

Selain itu, ia juga sebagai penghargaan kepada setiap PKT UNISSA yang telah berusaha bersungguh-sungguh dalam menjayakan setiap aktiviti yang dianjurkan.



Gambar ramai peserta pementasan dari Maktab Sains.

Oleh Siti Nur Wasimah S.

BANDAR SERI BEGAWAN, 24 April - Kompleks Membeli-Belah Mabohai, hari ini, telah mengadakan Hari Memperingati Shakespeare yang diisi dengan pelbagai aktiviti di ruang legar kompleks membeli-belah berkenaan.

Acara yang dibukakan kepada orang ramai bermula pada 10 pagi sehingga 5 petang itu telah menampilkan pementasan Shakespeare dengan kerjasama Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (Maktab Sains), bengkel drama dari Brunei Amateur Dramatic Society dan bengkel gitar daripada tenaga

pengajar diiktiraf, Phrygian Ng.

Di samping itu, acara turut diisi dengan pameran jualan daripada peniaga-peniaga tempatan antaranya Nana Zee Henna, Cakepop Buffet, Homebaked Macaroon, Blissful Bites dan banyak lagi.

Acara berkenaan bertujuan untuk berkongsi ilmu pengetahuan dan pendekatan yang berbeza terhadap kajian Shakespeare melalui pelbagai aktiviti serta menunjukkan kemahiran-kemahiran para pelajar melalui persembahan mereka.

Kanan: Peniaga tempatan yang turut memeriahkan Hari Memperingati Shakespeare.



## KPMSI lawat UNISSA

BANDAR SERI BEGAWAN, 24 April - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) baru-baru ini menerima rombongan lawatan dari Kolej Profesional MARA Seri Iskandar (KPMSI), Peran yang diketuai Presiden Fakulti Perniagaannya, Awang Muhammad Wafiy Hazim bin Abdul Rahim.

Rombongan terdiri daripada enam pensyarah dan 104 mahasiswa itu dialu-alukan ketibaan mereka oleh Dekan Fakulti Perniagaan dan Sains Pengurusan (FPSP), Dr Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani dan Pemangku Dekan Hal Ehwal Pelajar, Dayang Nurhafizatulhikmah binti Haji Serbini.

Rombongan diberikan taklimat mengenai UNISSA oleh Pensyarah Kanan FPSP, Dr Hajah Rose binti Abdullah, diikuti taklimat balas KPMSI disampaikan oleh Pengarah Kolej Profesional KPMSI, Dayang Halimahtun Saadiah binti Mohd Taib.

laditeruskandengansesisoaljawabdialog

antara kedua-dua belah pihak dan penyampaian cenderahati. Rombongan kemudiannya dibawa melawat sekitar kampus.

Dalam lawatan itu juga, rombongan mengadakan aktiviti sukan bersama Exco Sukan dan Logistik Majlis Perwakilan Pelajar UNISSA yang merangkumi permainan Hula Hoop, Zero To Hero, permainan tradisional Brunei, perlawanan persahabatan futsal dan bola jaring.

Semasa berada di negara ini, rombongan juga mengadakan lawatan ke Kampong Ayer dan merasai sendiri pengalaman bersama komuniti di sana. Mereka juga mempelajari perbezaan budaya yang dapat dilihat di Brunei dengan menetap di Kampong Ayer melalui program keluarga angkat di sana.

Di samping itu juga, pihak KPMSI dapat menjalinkan hubungan silaturahim antara dua buah institusi yang berbeza latar belakang dan budaya.



Gambar ramai rombongan KPMSI dan warga UNISSA.

Central Shopping Centre

### Cabutan Bertuah Besar - Besar

Menangi Hadiah-Hadiah Lumayan **BERJUMLAH B\$200,000** & Banyak Lagi Hadiah-Hadiah Menanti Awda **5 PEMENANG SETIAP BULAN!**

Cabutan Besar-Besaran Semi-Detached Bungalow

Cabutan Pertama Proton Satria Neo R3

Cabutan Kedua Proton Saga

Cabutan Ketiga Proton Iriz Premium

TEL: +673 3339889  
EMAIL: kbsentralmarketing@gmail.com

kbsentral  
kb sentral shopping centre